

**PM Terima Kunjung Ketua-pengarah Unesc
Bernama
22 Mei, 2013**

PUTRAJAYA, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Rabu menerima kunjungan hormat Ketua-Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco) Irina Bokova.

Bokova diiringi ke pejabat Perdana Menteri di aras lima sebaik tiba di bangunan Putra Perdana kira-kira 3 petang, sebelum beliau mengadakan sidang akhbar kira-kira 40 minit kemudian.

Ini merupakan lawatan rasmi pertama Bokova ke Malaysia. Lawatan tiga hari itu bermula Selasa.

Selasa, beliau menyampaikan syarahan bertajuk, 'New Humanism in the 21st Century - The Role of Education in Empowering Society', di Universiti Malaya, sebelum menghadiri jamuan malam diberi oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Bokova dijadual melawat beberapa tapak warisan di Melaka Khamis.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951572>